

Tindakan Pairin mudahkan Pusat bertindak terhadapnya — Dr.M.

UM - 6 NOV 1990

KUALA LUMPUR 5 Nov. — Tindakan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan menarik keluar PBS daripada Barisan Nasional (BN) memudahkan lagi kerajaan Pusat bertindak tegas terhadapnya, kata Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kalau Datuk Joseph Pairin berpendapat bahawa tindakannya memudahkan PBS menuntut segala hak - hak Negeri Sabah, kerajaan Pusat juga lebih mudah bertindak terhadapnya selepas ini.

"Sama jugalah, kitapun boleh batal dia selepas ini," katanya kepada para pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Kongres Pengiklanan Asia ke-17 di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Semalam, Datuk Pairin menegaskan bahawa PBS akan bersuara lebih angkuh dan lantang dalam mendapatkan hak - hak Negeri Sabah setelah keluar daripada BN.

Ketika merasmikan Kongres Kelima PBS di Kota Kinabalu semalam, Ketua Menteri Sabah itu menegaskan: "Kita sekarang boleh mendongak-

kan kepala dan berjalan dengan megah untuk menyuarakan pendapat kita setelah tidak lagi berada dalam BN."

Menyentuh mengenai dua jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Perdana Menteri menjelaskan bahawa tindakan kerajaan Negeri Kelantan itu hanyalah merupakan permainan politik saja.

"Kalau tidak ada kerja, bolehlah mewujudkan lebih banyak lagi jawatan," katanya.

Beliau menambah, satu Timbalan Menteri Besar pun sebenarnya tidak ada kerja, inikan sampai dua orang dilantik.

Dengan perlantikan ini, katanya, masing - masing akan dapat elaun dan itu juga menguntungkan parti masing - masing dengan pemotongan elaun sebanyak 20 peratus baru - baru ini.

Kerajaan Negeri Kelantan kelmarin melantik Timbalan Pesuruhjaya Pas Negeri, Haji Abdul Halim Abdul Rahman dan Ketua Perhubungan Semangat 46 Kelantan, Haji Rozali Isohak sebagai Timbalan Menteri Besar.